

ePIC *Bulletin*

EARLY INTERVENTION PROGRAMME FOR INFANT & CHILDREN



NEGARAKU
CIP
AUG 2017
MBI

SPIN OFF PROJECT 5.0

Spin Off Project 5.0 merupakan anjuran bersama MBI dan PTNS dengan kerjasama Kid Campus Sdn Bhd dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) dengan tema, "Education Through Silaturrahim", yang diadakan pada 26 Julai 2017.

Peserta yang hadir adalah terdiri daripada kakitangan MPK iaitu seramai 80 orang bertujuan untuk membuka minda peserta untuk lebih cakna tentang isu semasa berkaitan pendidikan awal kanak-kanak, didikan terbaik di rumah seterusnya melahirkan komuniti masyarakat yang penyayang.

Dua orang panel jemputan yang terlibat di dalam program tersebut ialah:-

- o **Hajah Mahanom Basri (Pakar Industri Kanak-kanak)**, yang memberi penerangan tentang peranan pendidik & ibubapa dalam pembangunan perkembangan kanak-kanak.
- o **Dr Catur Setio Wargo (Pensyarah Pendidikan Awal Kanak-kanak)** yang memberi penerangan tentang bagaimana pendidik & ibubapa membuat intervensi awal kepada kanak-kanak.



SPIN OFF PROJECT 6.0

Spin Off Project 6.0 2017 yang berlangsung selama setengah hari pada 29 Julai 2017 turut berkisarkan objektif dan topik yang sama iaitu "Education Through Silaturrahim" anjuran bersama MBI, PTNS dan Kid Kampus Sdn Bhd. Walau bagaimanapun, program Spin Off Project 6.0 ini adalah terbuka kepada semua ibubapa, pendidik dan pengasuh di sekitar Gombak.

Dua orang panel jemputan pada program tersebut adalah panel yang sama yang turut serta semasa program Spin Off Project 5.0 2017.

Awesome Inspirations




We judge success not by those who do it, but rather what they have done. Therefore it might come as a surprise that some of the most successful and talented people in the world have some kind of mental disorder and even physical conditions.

Some of us might have heard of how Beethoven had impaired hearing, or that Tom Cruise was dyslexic. There were also famous people with symptoms of autism, like Tim Burton the director of many blockbuster movies and Wolfgang Amadeus Mozart, the legendary classical musician.

According to Centers of Disease Control and Prevention (CDC), about 1 percent of the world population has autism spectrum disorder, while 35 percent of young adults (ages 19-23) with autism have not had a job or received postgraduate education after leaving high school. However, that does not mean society cannot accommodate them. **Here are some truly inspirational autistic individuals:**



Valerie Paradiz, Ph.D.; is the Executive Director of the Autistic Global Initiative, a national speaker and autism advocate. Through her organization, she now provides technical assistance and strategic development services to schools, universities, corporations and agencies that support individuals with disabilities



Richard Wawro, an amazing artiste with incredible painting skills and ability to replay a classical tune by his ear as well as unparalleled language skills. Wawro started to paint when he was 3 years old with most of his drawings being a perfect recollection of things he has seen just once. Throughout his lifetime, Wawro has successfully sold over 1,000 pieces of his paintings, and has been showcased in over a 1,000 exhibitions.



America's Next Top Model, Heather Kuzmich, is a 21-year old model who has been diagnosed with Asperger syndrome. Kuzmich made a decision to join the competition in a sort of ultimatum, as to whether Asperger's was going to define her or she was going to able work around it. She showed the world that people with autism could be just like everyone else!



Matthew Cottle, is a successful entrepreneur and a young adult that owns a bakery named Stuttering King Bakery that specializes in muffins, brownies, bars, cookies, and scones, specifically for event and business catering. Matthew hopes he can open more bakery shops so that he can teach the art of baking to those with autism and make them know how valuable they can be.



A very talented little artist, **Wan Jamila Wan Shaiful Bahrin, 15**, is Malaysia's very own gifted and special talent. Jamila's artworks are mostly themed of human character with an expression of joy, sadness and anger. She now receives guidance from local artist, Khalid Mohd Sapari. Now a bonafide artiste in her own right, her paintings now adorn the walls of big corporations. Even at 15, Jamila's schedule is packed as she participates in many exhibitions throughout Malaysia. More on her in our exclusive interview (page 6)

EARLY INTERVENTION PROGRAMME (EIP) **Programmes for the next 3 months**

DATE/DAY	TIME	PROGRAMME	VENUE
10 Sept 2017 Sunday	9.00 AM - 2.00 PM	SMART Parenting Workshop	Banting, Kuala Langat
17 Sept 2017 Sunday	9.00 AM - 5.00 PM	Early Screening Program	PPAS, Shah Alam
8 Oct 2017 Sunday	9.00 AM - 2.00 PM	SMART Parenting Workshop	Kuala Selangor
22 Oct 2017 Sunday	9.00 AM - 5.00 PM	Early Screening Program	PPAS, Shah Alam
5 Nov 2017 Sunday	9.00 AM - 2.00 PM	SMART Parenting Workshop	Sabak Bernam
26 Nov 2017 Sunday	9.00 AM - 2.00 PM	Early Screening Program	PPAS, Shah Alam

SPIN-OFF PROJECTS

DATE/DAY	TIME	TARGETED GROUP	VENUE
23 Sept 2017 Saturday	8.30 AM - 1.00 PM	Staff of MPK Klang	MBPJ, Petaling Jaya
28 Sept 2017 Saturday	8.30 AM - 1.00 PM	PKNS Staff	PKNS, Shah Alam
14 Oct 2017 Saturday	9.00 AM - 5.00 PM	Educators/ Caregivers	Institut Darul Ehsan
25 Oct 2017 Wednesday	8.30 AM - 1.00 PM	Parents among PEKAWANIS	Kediaman Rasmi Menteri Besar Selangor
11 Nov 2017 Saturday	8.30 AM - 1.00 PM	Parents/Educators	Universiti Selangor



UJIAN PENILAIAN KANAK-KANAK.

Ujian penilaian ke atas kanak-kanak telah dijalankan bagi dua sesi iaitu sesi pertama pada 26 Februari 2017 manakala sesi kedua pada 26 Mac 2017 dengan kerjasama MBI, PPAS, PTNS, Urbane Ethos Consultancy dan PPUKM.

Ujian ini dijalani oleh 15 orang kanak-kanak dalam sesi pertama manakala 20 orang kanak-kanak diuji dalam sesi penilaian berikutnya. Kanak-kanak dipilih dengan kerjasama pihak taska yang telah dikesan mengalami kelewatan perkembangan. Ia juga melibatkan pasukan penilai yang terdiri daripada pakar pediatrik iaitu (perkembangan kanak-kanak), pakar linguis klinikal dan sembilan orang ahli sains terapi kesihatan bersekutu serta seorang pakar motivasi. Turut terlibat ialah sukarelawan daripada pelajar-pelajar Management & Science University ("MSU") yang turut serta menyumbang tenaga sepanjang program berlangsung.

Manakala ujian penilaian sesi ketiga bagi dalam tahun 2017 telah diadakan pada 23 Julai 2017 ke atas kanak-kanak seramai 20 orang yang telah dikesan mengalami kelewatan perkembangan oleh pihak taska. Ujian ini turut melibatkan pasukan penilai yang sama dengan sesi pertama dan kedua iaitu pakar pediatrik (perkembangan kanak-kanak), pakar linguis klinikal dan sembilan orang ahli sains terapi kesihatan bersekutu daripada pelbagai disiplin bidang serta seorang pakar motivasi. Sukarelawan yang terlibat adalah terdiri daripada kakitangan MBI dan PTNS.



PROFIL

EPIC edisi Ogos kali ini menyingkap profil Wan Jamila Wan Shaiful Bahri seorang artis berbakat berumur 15 tahun. Dilahirkan pada 13 Jun 2002 di Kuala Lumpur, Wan Jamila merupakan bakat istimewa dalam bidang seni lukis, dan semakin dikenali setelah melibatkan diri dalam 20 pameran seni dan pertandingan. Galeri seni Jamila tersergam indah bersama hasil lukisan beliau yang dipamerkan di rumahnya sendiri, di Seksyen 7 Shah Alam. Ikuti temubual bersama ibu kepada Jamila, Puan Noorhashimah Mohamed Noordin, merangkap pengurus kepada Jamila, yang dinamakan ArtJamila.

1) Boleh puan ceritakan sejak bila Jamila mula dikesan menghidap autism?

Jamila telah disahkan sebagai autism setelah didiagnosis semasa umur beliau 4 tahun. Dia tidak banyak bercakap sejak dari kecil. Saya menghantar beliau ke beberapa sekolah dan mula mengetahui tentang bakatnya yang suka melukis apabila melihat setiap buku sekolahnya dipenuhi dengan lukisan yang diterjemahkan dalam beberapa karakter dan emosi hasil daripada apa yang beliau lalui semasa di sekolah.

Jamila mengekspresi lukisannya sebagai tempat untuk dia meluahkan perasaan sama ada sedang sedih, gembira, marah dan sebagainya. Bermula Ogos 2017, Jamila menjalankan pembelajaran dari rumah dengan bantuan Sekolah Sri Kayangan Montessori di Bukit Jelutong, Shah Alam kerana saya ingin Jamila meneruskan pendidikan pada tahap O' Level.

2) Kebanyakan lukisan Jamila dihasilkan dengan karakter wanita berambut panjang, boleh puan ceritakan serba sedikit tentang mana datangnya ilham tersebut?

Sejak dari awal bakat melukisnya mula dikesan, dia banyak melukis karakter wanita yang pelbagai gaya namun kebanyakannya berambut panjang sebab dia memang sukakan karakter rapunzel dan puteri. Ada satu masa saya membelek buku nota Jamila selepas dia pulang dari sekolah, penuh dengan lukisan kawan-kawannya, karakter cikgu, wanita-wanita yang sedang menari dan bermacam lagi.

Kadangkala dia akan melukis karekter perempuan yang sedang menangis dan ada masanya pula sedang gembira. Itu adalah cara dia meluahkan emosi melalui setiap lukisan yang dilukis. Kadangkala, saya bawa dia berjalan-jalan dan dia akan melukis apa sahaja yang dilihatnya melalui buku diarinya. Saya masih simpan dari awal lukisan-lukisan Jamilah hingga sekarang.

3) Karakter sebenar Jamila secara peribadi?

Dia ni seorang yang sangat sensitif dan lemah lembut. Ada satu lukisan Jamila yang saya sayang nak jual betul-betul menggambarkan karekter dia sebagai seorang yang lemah lembut. Lukisan tu saya simpan sampai satu masa nanti dia betul-betul jadi seorang pelukis terkenal. Pernah satu hari saya tercakap kuat sikit dia ingat saya marahkan dia walaupun sebenarnya bukan marah pun.

4) Sejauh mana penglibatan Jamila setakat ini dalam hasil seni lukis?

Setakat tahun ini saya sangat sibuk menguruskan aktiviti Jamila dimana dia mula banyak melibatkan diri dalam beberapa program dan pameran antaranya seperti pameran di TM Convention anjuran Independent Arts, Coverage & Connect (IACON), pameran "Art Market Resident Artist Malaysia", pameran di Pertubuhan Arkitek Malaysia sempena seminar rekabentuk bangunan dan autism, program di TV9 "Nasi Lemak Kopi O", pameran di 1 Utama anjuran "Art Market Malaysia Resident Artist", pameran anjuran Art Market Malaysia di The Ledge 1 Utama berjudul "Leadership" dan banyak lagi.

Baru-baru ini, Jamila telah memenangi pertandingan lukisan "NEGARAKU" di Balai Lukis Negara, Kuala Lumpur sekaligus melayakkan beliau untuk bertanding di Grand Final Competition pada 26hb Ogos 2017. Jamila juga sangat bertuah kerana dapat mempersembahkan lukisannya kepada Raja Muda Selangor di Hotel Concorde Shah Alam semasa acara Gala Dinner F1 anjuran PIBG SMK Sek9, Shah Alam. Pada 5hb Ogos 2017 yang lalu, Jamila telah membuat "Live Drawing" dan melibatkan diri dalam pameran di MAEPS Serdang berjudul "Malaysia Makes History".

Please like our Facebook page :
www.facebook.com/smartselangor



Menteri Besar Selangor Inc. (MBI)
14th Floor, Bangunan Darul Ehsan,
Jalan Indah, Section 14,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

corporate_comm@mbiselangor.com.my

+(603) 5513 8898
 +(603) 5510 1758



#SmartSelangor